

Video panjat pokok demi jawab peperiksaan tular, pelajar UMS luah penghargaan

Madiha Abdullah, Astro Awani | Jun 16, 2020 09:14 +08 | Durasi: 1 minit, 18 saat



Veveonah kerap berkongsi video berkaitan gaya hidup tradisional yang dijalannya bersama keluarga. - Facebook

PELAJAR Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang tular baru-baru ini kerana kesungguhan memanjang pokok demi mendapatkan talian internet untuk menjawab peperiksaan secara dalam talian, Veveonah Mosibin, mengakui terharu dengan sokongan yang diterimanya setakat ini.

Menerusi satu video yang dimuat naik ke akaun YouTubenya, Veveonah berkata biarpun gembira dengan pertambahan jumlah penonton dan *subscribers*, namun ia bukanlah keutamaannya.

"Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang *subscribe* dan sokong saya, terutama pihak universiti sendiri yang berkongsi video saya di Facebook.

"Ramai yang memberikan komen positif dan motivasi, saya akan cuba balas semua komen dan hasilkan lebih banyak video yang menarik," kata remaja yang berasal dari Kampung Sapatalang, Pitas, Sabah itu.

Sebelum ini, pelajar jurusan Asasi Sains itu memuat naik video bertajuk *24 Hours On Tree Challenge* (Cabaran 24 jam atas pokok), menceritakan pengalamannya dilaluinya.

Video berdurasi kira-kira 11 minit itu menunjukkan Veveonah terpaksa memanjang pokok untuk

menjawab kertas peperiksaan Kimia dan Pengajian Malaysia.

Dia pada awalnya telah membina sebuah pondok kecil di atas bukit bagi tujuan itu, namun pondok itu rosak dipercayai kerana faktor cuaca.

Dia memilih untuk bermalam di atas pokok berkenaan kerana cuaca yang semakin gelap tidak memungkinkan dia pulang ke rumah selepas menjawab peperiksaan.

Pelajar itu mula menjadi YouTuber sejak Mei lalu dan kerap berkongsi video berkaitan gaya hidup tradisional yang dijalannya bersama keluarga.

Setakat ini video 24 jam di atas pokok yang dimuat naik dua hari lalu, merupakan video dengan tontonan tertinggi, iaitu melebihi 40,000 tontonan.

Tag: [Veveonah Mosibin](#), [video](#), [pelajar](#), [Universiti Malaysia Sabah](#), [UMS](#), [Sabah](#), [peperiksaan](#), [internet](#), [YouTube](#)